

Tamu Gadang Manifestasi Kejayaan Warga UMS

Terakhir dikemaskini: Khamis, 22 November 2018 18:12 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 437

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


KHAMIS, 22 NOVEMBER -
Tamu Gadang adalah manifestasi kepada kejayaan pelajar serta seluruh warga Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, semua kecemerlangan yang dicapai

seharusnya dikongsi bersama dengan seluruh warga UMS serta masyarakat agar ia terus menjadi pemangkin kepada kejayaan UMS pada masa akan datang.

“Pelbagai pencapaian berjaya dibuktikan seperti dalam bidang sukan, pelajar UMS tidak pernah lekang menyumbang kepada kejayaan negara kita seperti Lim Boon Huat yang merangkul emas dalam Sukan ASEAN.

“Begitu juga dalam Enactus, UMS pernah mewakili Malaysia ke peringkat dunia sebanyak tiga kali, penglibatan aktif pelajar UMS dalam Yayasan Sukarelawan Siswa, serta empat pelajar yang mewakili UMS ke pertandingan *World Championship of Performing Arts* di California baru-baru ini juga menunjukkan pencapaian luar biasa dengan merangkul satu pingat emas dan tujuh perak,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada Majlis Perasmian Tamu Gadang UMS ke-20, di Padang Kawad UMS, semalam.

Menyentuh penganjuran Tamu Gadang Datuk Dr. D Kamarudin berkata, ia dianjurkan bersempena dengan Majlis Konvokesyen UMS kali ke-20 yang akan berlangsung bermula pada 24 - 26 November ini.

“Sebagai negeri yang mempunyai kepelbagaiannya kaum dan budaya, Tamu Gadang pada kali ini membawa konsep “*Diversity of Sabah*” sesuai dengan kedudukan UMS yang menjadi pertembungan seluruh kaum dan budaya yang ada di Sabah.

“Persembahan-persembahan yang disediakan turut memaparkan diversiti ini melalui lagu serta pemakaian yang mewakili kaum-kaum seperti Kadazan-Dusun, Bajau, Murut, Iranun, dan banyak lagi sepanjang Tamu Gadang berlangsung,” jelasnya.

Lafaz perasmianya disempurnakan Pengurus Lembaga Pengarah UMS, Datuk K Y Mustafa di hadapan kira-kira 3,000 pengunjung yang hadir.

K Y Mustafa turut melancarkan logo Jubli Perak sempena sambutan 25 tahun UMS pada tahun 2019.

Berlangsung selama tujuh hari, dianggarkan 70,000 pengunjung akan hadir memeriahkan Tamu Gadang yang diisi dengan pelbagai aktiviti menarik, serta aneka makanan dan barang dari 183 gerai pameran dan jualan yang disediakan.

Pelbagai artis terkemuka tanah air juga turut dijemput bagi menggegarkan lagi program itu pada kali ini, antaranya Wany Hasrita, Haqiem Rusly, Nizam Laksamana, Projector Band, Rahmad Mega dan Mus May.

Hadir sama pada majlis perasmian itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Dr Ismail Ali, Ahli Lembaga Pengarah, Pegawai-pegawai Utama dan rakan-rakan strategik UMS.